

24 OCT 1996

OSMAN MASIH ADUN JITRA

JITRA, 24 Okt (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff hari ini berkata beliau tidak berhasrat untuk meletakkan jawatan sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jitra.

"Saya tak berhasrat untuk berbuat demikian...saya tak tahu bagaimana boleh timbul khabar angin seperti itu. Saya tak akan letak jawatan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis perasmian bangunan tambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Baru-baru ini, laporan akhbar menyebut terdapat khabar angin bahawa Osman telah meletak jawatan sebagai ADUN kawasan Jitra.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid yang dilantik menggantikan Osman pada pertengahan Jun lepas, telah dilaporkan berkata beliau tidak tahu-menahu mengenai perkara itu.

Selain menjadi ADUN Jitra, Osman masih memegang jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu. -- BERNAMA

MZM NMO